




ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR TATACARA

PENGURUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN
PEMBATALAN SERTA RUJU' ORANG ISLAM
NEGERI SELANGOR



www.jais.gov.my

TATACARA

PENGURUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN PEMBATALAN SERTA RUJU' ORANG ISLAM NEGERI SELANGOR

Bahagian Undang-Undang Keluarga
Jabatan Agama Islam Selangor

DOKUMEN TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa jua cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau apa jua cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada SS Pengarah, Jabatan Agama Islam Selangor

Cetakan Pertama : 2017

Cetakan Kedua : 2025 (editan)

Keluaran :

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

TINGKAT 4, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
NO. 2, PERSIARAN MASJID
BUKIT SUK, SEKSYEN 5
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

TEL : 03-5514 3478
FAKS : 03-5512 7202

KANDUNGAN

TATACARA PENGURUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN PEMBATALAN SERTA RUJU' ORANG ISLAM NEGERI SELANGOR

KATA ALUAN PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	I
PASUKAN EDITOR	II
PENILAI	III
TAFSIRAN	IV

BAB PERTAMA

BAHAGIAN SATU PERMULAAN

1.	TAJUK RINGKAS DAN PERMULAAN KUAT KUASANYA	2
2.	PEMAKAIAN	2

BAHAGIAN DUA KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM

3.	KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM	2
----	-----------------------------	---

BAHAGIAN TIGA UJIAN SARINGAN *HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS (HIV)*

4.	UJIAN SARINGAN <i>HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS (HIV)</i>	3
----	--	---

KATA ALUAN PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Segala puji bagi Allah S.W.T Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W pembawa rahmat seluruh alam. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS dapat menerbitkan Buku Tatacara Pengurusan Nikah, Cerai dan Rujuk Negeri Selangor ini dengan jayanya.

Sememangnya Buku Tatacara ini amat penting sebagai sumber rujukan serta panduan kepada pegawai dan kakitangan di Bahagian Undang-Undang Keluarga dan juga di setiap Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) yang terlibat dalam perkhidmatan pengurusan Nikah, Cerai dan Rujuk Orang Islam. Melalui Buku Tatacara ini, diharapkan pengurusan Nikah, Cerai dan Rujuk Orang Islam dapat diselaraskan dan seragam di seluruh Negeri Selangor, selaras dengan visi Jabatan yang berusaha untuk menjadi yang terbaik, bertaraf dunia dan diredhai Allah.

Syabas dan tahniah kepada jawatankuasa yang terlibat kerana komited menjalankan usaha meningkatkan taraf profesionalisme pegawai dan kakitangan terutamanya dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh berintegriti demi agama, bangsa dan negara.

DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD D.P.M.S, P.P.T
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

PASUKAN EDITOR

Pn. Nik Suhaila binti Nik Hussin
Pn. Siti Khadijah binti Abdul Wahid
Pn. Sharifah Nazihah binti Syed Mohamed
En. Norfahmi bin Muhamad Zazli
Pn. Latifah binti Yusof
En. Zainizam bin Zailan
En. Ayub bin Bahruddin
Pn. Azlina binti Soaed
Pn. Nik Aishah binti Ibrahim
Pn. Norazean binti Ashari
En. Mohd Khair bin Zainal
Pn. Nurol Kausar bin Musa
En. Nasrul Hadi bin Rohani
Pn. Nurol Kausar binti Musa
En. Mohd Suhairil Nizra bin Mohamad Puad
Pn. Rashidatul Aula binti Abd Munir
Pn. Siti Halizah binti Ismail
Pn. Nordiyana binti Karim
Pn. Nurimawati binti Idrus
En. Mohd Ghaus bin Musa
Pn. Azura binti Hamid

Urus Setia

Pn. Nor Safarina binti Arifin
Pn. Sarimah binti Hamis
Pn. Saniah binti Hanin Hamjah
Pn. Khalimatunnor binti Ahmad
Pn. Norsyafikah binti Izham

PENILAI

Pn. Sabariah binti Salleh

Tn. Dr. Amru Alhaz bin Adnan

Tn. Hj. Mohd Zaini bin Ramli

Tn. Hj. Dr. Ahmad Zaky bin Md Ali @ Tahir

Tn. Hj. Mohamed Tahir bin Abd Manap

Tn. Hj. Mahadi alHelmi bin Ahmad

Tn. Hj. Hairul Anuar bin Samingan

Tn. Hj. Mohamad Nazri bin Sabirin

Tn. Hj. Nasrul Hadi bin Rohani

Tn. Hj. Mohd Khairi bin Zainal Abidin

Tn. Hj. Mohd Mekkah bin Husin

Diluluskan Oleh

SS. Pengarah JAIS

TAFSIRAN

SINGKATAN	TAFSIRAN
BPN	Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan
BUUK	Bahagian Undang-Undang Keluarga
Daftar	Daftar manual dan sistem
DYMM	Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
EUUKIS	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KAGAT	Kor Angkatan Agama Tentera
KPPI	Kursus Praperkahwinan Islam
KPNCR	Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian Dan Rujuk Negeri Selangor
MTS	Mahkamah Tinggi Syariah Selangor
MRS	Mahkamah Rendah Syariah Selangor
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia
Pengerusi JKKK	Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung
Pihak Berkepentingan	Waris Terdekat (Ibu Bapa), Peguam
PPP	Penolong Pendaftar Perkahwinan
PR	Pemastautin Tetap (<i>Permanent Resident</i>)
PRW	Pemastautin Tetap (<i>Permanent Resident</i>) yang Mendapat Warganegara Malaysia
SPC	Surat Perakuan Cerai
SSPC	Salinan Surat Perakuan Cerai
SPN	Surat Perakuan Nikah
SPR	Surat Perakuan Ruju'
SSPR	Salinan Surat Perakuan Ruju'
SPPP	Surat Perakuan Pembatalan Perkahwinan
SSPN	Salinan Surat Perakuan nikah
UNHCR	United Nations High Commissioner For Refugees
UPN	Unit Pengurusan Penguatkuasaan

BAB PERTAMA

BAHAGIAN SATU **PERMULAAN**

1. TAJUK RINGKAS DAN PERMULAAN KUATKUASANYA

Tatacara dan panduan ini bolehlah dinamakan sebagai “**Tatacara Pengurusan Perkahwinan, Perceraian Dan Rujuk Orang Islam Negeri Selangor**” dan hendaklah mula berkuatkuasa bermula 1 Januari 2024.

2. PEMAKAIAN

Tatacara ini hendaklah terpakai dalam menguruskan hal ehwal perkahwinan, perceraian dan pembatalan perkahwinan serta ruju' orang Islam di Negeri Selangor.

BAHAGIAN DUA **KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM**

3. KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM

3.1 Sijil Kursus Praperkahwinan Islam (KPPI) berpandukan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) hendaklah dikemukakan oleh pemohon semasa membuat permohonan untuk kebenaran berkahwin.

3.2 Pemohon berikut **DIKECUALIKAN** daripada menghadiri KPPI :

- a) Pernah berkahwin / Berkahwin; atau
- b) Berumur 45 tahun dan ke atas serta belum pernah berkahwin; atau
- c) Orang kelainan upaya (pekak / bisu) atau mana-mana orang yang dinilai kondisinya wajar oleh Pendaftar; atau
- d) Mualaf (orang asal / pribumi); atau
- e) Warganegara Malaysia yang menetap dan menjalankan akad nikah di luar negara; atau
- f) Warganegara Asing

BAHAGIAN TIGA
UJIAN SARINGAN *HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS* (HIV)

4. UJIAN SARINGAN *HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS* (HIV)

- 4.1 Setiap pemohon yang akan berkahwin dalam Negeri Selangor hendaklah menjalani pemeriksaan ujian saringan HIV di klinik-klinik kesihatan kerajaan atau hospital kerajaan dalam atau luar negara.

Nota :

- Ujian saringan HIV yang diperolehi dari hospital / klinik kerajaan dari luar negara tidak perlu diendors di hospital / klinik kerajaan di Malaysia.
 - Ujian saringan HIV yang diperolehi dari hospital / klinik swasta dari luar negara **hanya boleh diterima** jika tiada hospital / klinik kerajaan di luar negara yang mengendalikan ujian saringan berkaitan.
- 4.2 Ujian saringan HIV hanya sah digunakan dalam tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh ujian saringan dijalankan sehingga tarikh akad nikah.
- 4.3 Pemohon hendaklah melakukan semula ujian saringan HIV sekiranya ujian saringan HIV terdahulu telah tamat tempoh enam (6) bulan.
- 4.4 Sekiranya keputusan ujian saringan HIV **reaktif**, pemohon hendaklah mendapatkan khidmat nasihat dari Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) seperti yang ditetapkan dalam kepada Garis Panduan Pelaksanaan Khidmat Nasihat dan Rundingcara HIV.
- 4.5 Hanya Pendaftar sahaja dibenarkan untuk memaklumkan keputusan ujian saringan HIV pemohon kepada wali pihak perempuan.
- 4.6 Pemeriksaan ujian saringan HIV adalah dikecualikan kepada:
- a) Pasangan yang ingin bernikah semula dalam tempoh enam (6) bulan setelah tamat tempoh iddah; atau
 - b) Pasangan yang ingin bernikah semula dalam tempoh enam (6) bulan selepas difaraqkan pernikahan oleh Mahkamah.